

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 14 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Air Mesin Tapisan	Utusan Malaysia
2	Malaysia Jadikan Inovasi Kaedah Utama Pembangunan Untuk Capai Wawasan 2020 – Dr Ewon	Bernama.com
3	Kerajaan terus sokong inovasi dasar ekonomi	Berita Harian
4	Inovasi Komponen Penting Dalam Dasar Ekonomi - Najib	Bernama.com
5	Inovasi penting tingkat ekonomi	Utusan Malaysia
6	Innovation to continue spurring growth	New Straits Times
7	Rafidah Garis Tiga Faktor Penyumbang Kemajuan Inovasi di Asia	Bernama.com
8	30 akaun RM17 juta dibeku	Berita Harian
9	Penyelewengan diesel, petrol bernilai RM1.5 juta dibongkar	Utusan Malaysia
10	Petrol, diesel RM1.5juta dirampas	Kosmo
11	Fuel smugglers RM17m 'frozen'	New Straits Times
12	Fuel profiteers crippled	The Star
13	Penyelidik muda UniMAP raih kejayaan	Berita Harian

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (ALBUM HARI INI): MUKA SURAT 2
TARIKH: 14 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)**



AIR MESIN TAPISAN

MENTERI Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin mencuba minum air daripada mesin tapisan air dikenali sebagai JERNIH ketika melawat gerai pameran sempena Forum Inovasi Dunia-Kuala Lumpur 2013 (WIF-KL 2013) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam. Mesin itu diilhamkan oleh Angkatan Tentera Malaysia dengan kerjasama kepakaran Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd. Turut kelihatan Pengarah Eksekutif Puncak Niaga, Datuk Nasir Khan Illadad Khan (duduk dua dari kiri) dan Pengarah Urusan Puncak Niaga, Datuk Syed Danial Syed Ariffin (duduk kiri). - UTUSAN/DJOHAN SHAHRIN SHAH

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 14 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)



Malaysia Jadikan Inovasi Kaedah Utama Pembangunan Untuk Capai Wawasan 2020 - Dr Ewon

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Malaysia menggunakan inovasi sebagai resipi pembangunan utama untuk terus maju dan mengelak daripada terjebak dengan perangkap pendapatan sederhana bagi mencapai taraf negara maju menjelang 2020.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin berkata inovasi mendapat perhatian serius Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, yang secara peribadi begitu berazam untuk menghapuskan halangan terhadap inovasi.

Kata beliau, ketika membentangkan Bajet 2014 baru-baru ini, Najib mengumumkan penubuhan Pusat Inovasi dan Kreatif Global Malaysia (MAGIC) sebagai pusat sehenti untuk usahawan, termasuk bagi hal berkaitan kewangan, latihan, bimbingan dan pemantauan.

"Kebelakangan ini, inovasi menjadi sebutan di mana-mana saja sebagai penyelesaian bagi hampir semua masalah dunia.

"Banyak kajian membuktikan bahawa kejayaan dalam melakukan inovasi menghasilkan satu bulatan berbudi di mana pelaburan yang dibuat akan menarik lebih banyak pelaburan, bakat dan inovasi," katanya ketika berucap merasmikan Forum Inovasi Dunia-Kuala Lumpur 2013 (WIF-KL 2013) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini Rabu.

Dr Ewon berkata negara seperti Korea Selatan, yang terpaksa berhempas-pulas dari segi ekonomi sebelum 1980-an kerana kekurangan bakat dan sumber, kini menjadi negara hebat setelah membuat pelaburan strategik dalam bidang inovasi, terutama terhadap modal insan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D).

"Hakikatnya ialah kini, ekonomi dunia dipacu oleh inovasi. Malah, negara berpendapatan sederhana seperti Brazil, Rusia, India dan China juga menghadapi kesulitan untuk menghadapinya.

"Bagaimanapun, satu perkara adalah pasti. Tidak ada jalan pintas untuk berjaya dalam inovasi. Malah, ia memerlukan pembangunan bakat secara berterusan, pelaburan kukuh, sokongan institusi dan set minda yang betul," katanya.

Dr Ewon berkata setiap orang mempunyai peranan untuk memupuk inovasi, manakala kerajaan pula boleh menggubal dasar lebih pintar, perniagaan boleh membuka pasaran dan saluran pengedaran baharu dan pelabur boleh menyuntik lebih banyak modal ke dalam produk.

Forum tiga hari itu, yang bermula semalam dan bertemakan 'Masa Depan Yang Kita Impikan', bertujuan menyediakan satu platform yang benar-benar bersifat global untuk membincangkan semua aspek berkaitan inovasi serta menyemai benih ke arah mencapai hasil ketara untuk menuju masa depan yang diimpikan.

Antara tokoh yang akan berucap pada forum ini ialah bekas Perdana Menteri Sweden Goran Persson, superstar pendidikan global Sugata Mitra, orang kuat grand prix perlumbaan bermotor Mark Gallagher, bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Tan Sri Rafidah Aziz dan ketua pegawai eksekutif Tune Hotels Group Mark Lankester.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 2
TARIKH: 14 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)

Kerajaan terus sokong inovasi dasar ekonomi

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak berkata, komitmen kerajaan untuk menyokong inovasi jelas apabila ia menjadi komponen penting dalam dasar ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, langkah itu sejajar matlamat untuk mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi, selain transformasi daripada ekonomi berasaskan ilmu kepada inovasi.

"Oleh itu, semua pihak mesti berusaha untuk menggalak-

kan dan memupuk pemikiran inovatif dan apabila bercakap mengenai ekonomi inovasi sentrik, kita merujuk kepada ekosistem yang menyokong, bertenaga dan inklusif.

"Ia memerlukan persekitaran yang memberi kuasa kepada orang ramai untuk menolak sekatan kepada keupayaan dan kejayaan serta mempengaruhi pembangunan sosioekonomi masyarakat," katanya melalui rakaman video pada Forum Inovasi Dunia-

Kuala Lumpur 2013 (WIF-KL) 2013 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini, semalam.

Antara penceramah undangan adalah bekas Perdana Menteri Sweden, Goran Persson; pakar akademik global, Sugata Mitra; pakar running inovasi dan strategi persaingan; Morinosuki Kawaguchi, pemilik pasukan Formula 1, Mark Gallagher; bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Rafidah Aziz; dan Ketua Pegawai

Eksekutif Kumpulan Tune Hotel, Mark Lancaster.

Forum yang disertai kira-kira 1,500 delegasi dari 40 negara (WIF) itu dirasmikan **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin.**

Sementara itu, Ewon berkata, Malaysia melihat inovasi sebagai antara resipi pembangunan untuk bebas dari perangkap pendapatan sederhana dan bersama ke arah matlamat negara maju menjelang Wawasan 2020.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 14 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)



Inovasi Komponen Penting Dalam Dasar Ekonomi - Najib

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Kerajaan komited dalam meletakkan inovasi sebagai satu komponen penting dalam dasar ekonomi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Apabila kita bercakap tentang ekonomi inovasi sentrik, kita merujuk kepada ekosistem yang menyokong, bertenaga dan inklusif.

"Ia merupakan satu persekitaran yang memberi kuasa kepada orang ramai untuk menolak sekatan kepada keupayaan dan kejayaan mereka serta mempengaruhi pembangunan sosio ekonomi masyarakat mereka," katanya.

Najib berkata demikian dalam ucapan aluannya melalui video pada Forum Inovasi Dunia-Kuala Lumpur 2013 (WIF-KL2013) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini Rabu.

Perdana menteri turut memuji kemajuan teknologi dan inovasi masa kini, yang membolehkan beliau menyampaikan ucapannya kepada 2,000 peserta dari 40 negara pada forum WIF-KL 2013 itu.

Oleh itu, Najib menegaskan bahawa semua pihak mesti melakukan usaha bersepada untuk menggalakkan dan memupuk pemikiran inovatif.

Perdana menteri berkata **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti)**, melalui agensinya seperti **Yayasan Inovasi Malaysia**, telah memulakan program mencari produk inovatif dan perkhidmatan di peringkat akar umbi.

Najib berkata inovasi adalah satu fenomena global, dengan pemimpin-pemimpin inovasi ditemui di seluruh dunia.

Beliau berkata Laporan Indeks Inovasi Global 2013 meliputi 144 ekonomi, dengan Malaysia berada pada ranking ke-32.

"Sudah pasti, terdapat juga hubungan yang semakin meningkat dan keperluan untuk perspektif global dalam memahami proses dan premis inovasi.

"Inovasi adalah satu usaha pelbagai pihak berkepentingan yang melibatkan kerajaan dan sektor swasta dalam mengukuhkan usaha Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) serta sumber manusia, dan memanfaatkan teknologi," katanya.

Najib berkata platform seperti WIF-KL 2013 adalah penting kerana ia menyediakan ruang di peringkat antarabangsa, melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dan wakil-wakil industri, menangani cabaran inovasi secara lebih menyeluruh.

"Malaysia pastinya tempat yang ideal untuk perjumpaan seumpama itu.

"Saya amat bangga dan gembira apabila mengetahui Malaysia menjadi tuan rumah kepada ramai pembuat dasar terkemuka, pakar strategi dan pemikir inovatif dari seluruh dunia pada persidangan ini," kata perdana menteri.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 3
TARIKH: 14 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)**

Membolehkan orang ramai membangunkan sosioekonomi lebih meluas - Najib

Inovasi penting tingkat ekonomi

Oleh MASZUREEN HADZMAN

pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 13 Nov. - Kerajaan komited meletakkan inovasi sebagai satu komponen penting dalam meningkatkan dasar ekonomi Malaysia bagi menjadi negara maju menjelang Wawasan 2020.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, inovasi merupakan satu persekitaran yang membolehkan orang ramai membangunkan sosioekonomi dengan lebih meluas.

"Apabila kita bercakap tentang

ekonomi inovasi sentrik, kita merujuk pada ekosistem yang bersifat menyokong, bertenaga dan menyeluruh.

"Ini merupakan satu persekitaran yang memberi kuasa kepada orang ramai untuk menolak sekatan kepada keupayaan dan kejayaan mereka serta mempengaruhi pembangunan sosioekonomi masyarakat," katanya dalam ucapan aluan melalui video yang ditayangkan pada majlis pelancaran Forum Inovasi Dunia-Kuala Lumpur 2013 (WIF-KL2013) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini hari ini.

Majlis yang disempurnakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Ewon Ebin itu turut dihadiri Menteri Teknologi dan Penyelidikan Indonesia, Prof. Dr. Gusti Muhammad Hatta; Menteri Sains dan Teknologi Iraq, Abdulkerim Ali Yaseen dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), Dr. Mazalan Khamis.

Perdana Menteri dalam pada itu turut memuji kemajuan teknologi dan inovasi masa kini yang membolehkannya menyampaikan ucapan aluan tersebut kepada 2,000 peserta dari 40 buah negara yang

menghadiri WIF-KL 2013 itu.

Menurut beliau, WIF-KL 2013 dilihat satu landasan penting dalam menyediakan ruang di peringkat antarabangsa, melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dan wakil-wakil industri, menangani cabaran inovasi secara lebih menyeluruh.

"Malaysia pastinya tempat yang ideal untuk perjumpaan seumpama itu.

"Saya amat bangga dan gembira apabila mengetahui Malaysia menjadi tuan rumah kepada inovator, pakar strategi dan pemikir inovatif terkemuka dari seluruh dunia," katanya.

Sementara itu, menurut Laporan Indeks Inovasi Global 2013 yang meliputi 144 ekonomi, menunjukkan Malaysia berada di kedudukan ke-32.

Perdana Menteri berkata, sudah pasti terdapat juga hubungan yang semakin meningkat dan keperluan untuk perspektif global dalam memahami proses dan premis inovasi.

"Inovasi adalah satu usaha pelbagai pihak berkepentingan yang melibatkan kerajaan dan sektor swasta dalam mengukuhkan usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta sumber manusia dan memanfaatkan teknologi," katanya.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS): MUKA SURAT 2
TARIKH: 14 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)

PRIME NEWS

Innovation to continue spurring growth

STRATEGY: To help realise vision, says PM

ADIB POVERA
AND BALQIS LIM
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

MALAYSIA will continue focusing on innovation-driven investment to spur economic growth, Prime Minister Datuk Seri Najib Razak said.

He said innovative-centric strategies would help the government in realising its vision to turn the country into a developed nation with an advanced economy.

"We realise that the target set cannot be achieved if the country continues to depend on input-led investment."

"To ensure the target is achieved, the government has adopted a new strategy based on knowledge and innovation-driven investment," he said in his speech at the Prime Minister's Innovation Award ceremony at the Putrajaya International Convention Centre here yesterday.

The event, now in its fourth year, was organised by the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (Mampu). Present were Chief Secretary to the Government Tan Sri Dr Ali Hamsa and Mampu director-general Datuk Omar Kaseh.

In dismissing the notion that innovation was monopolised by groups working in scientific-related fields, Najib said civil servants should also be innovative in delivering their services.

"Innovation is not limited to or monopolised by groups working in scientific labs but should also be embraced by civil servants as well as those in the private sector."

"Alhamdulillah, those in the public sector have been responsive with the push for innovation and creativity in the government's delivery system. Members in the government workforce have proved wrong those who viewed us as groups with conventional approach or orthodox mentality."



Prime Minister Datuk Seri Najib Razak presenting a mock cheque to Datuk Dr Ahmad Faizal Mohd Perdaus, the president of Mercy Malaysia, which was adjudged the winner of the 2013 Prime Minister's Innovation Award. On the right is Chief Secretary to the Government Tan Sri Dr Ali Hamsa. Pic by Mohd Fadli Hamzah

Najib acknowledged that the country had achieved milestones as a result of innovation-driven investment.

"We are the only country that has set up the Urban Transformation Centre in cities nationwide where all services by federal and state agencies are accessible to the people under one roof. Innovation has also helped the Inland Revenue Board to increase its collection annually."

Later, he presented a trophy and a mock cheque of RM1 million to the Malaysian Medical Relief Society (Mercy Malaysia), named as the winner of the 2013 Prime Minister's Innovation Award.

Earlier, in his welcoming speech delivered via a video presentation at the World Innovation Forum-Kuala Lumpur 2013 (WIF-KL2013), Najib said the government remained committed to making innovation an important component of economic policy.

"When we speak of an innovation-centric economy, we refer to an ecosystem that is supportive, vibrant and inclusive."

"It is an environment that empowers men or women on the street to push the boundaries of their abilities and achievements and influence socio-economic development of their immediate and extended community."

He praised technology and innovation that enabled him to deliver this message to a 2,000-strong audience from 40 participating countries of the forum.

"As a nation on the cusp of making the thrust towards becoming a fully developed nation and high-income economy — one that is in the midst of its transformation from a knowledge-based to an innovation-led economy — Malaysia is certainly the ideal venue for this gathering."

"I am very proud and pleased to know that Malaysia is playing host to many leading policymakers, strategists and innovative-thinkers from around the world during this conference."

Najib added that Malaysians must make conscious and concerted efforts to promote and instil innovative thinking. He also high-

lighted Malaysia's ranking in the Global Innovation Index Report 2013, where it was placed 32nd out of 144 countries.

"First, innovation is a global phenomenon and innovation leaders are found across the world, evident from the presence of various regions in the upper half of the rankings."

"Certainly, there is also growing relevance and need for a global perspective in understanding the process and premise of innovation."

"Second, innovation is a multi-stakeholder effort that involves governments as well as the private sector in strengthening research and development efforts and human resource, as well as harnessing technology."

He said that the Science, Technology & Innovation Ministry, through its agency, such as the Malaysia Innovation Foundation, had embarked on a programme of discovery of innovative products and services at the grassroots level. Additional reporting by S.K. Thanusha Devi

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 14 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)



Rafidah Garis Tiga Faktor Penyumbang Kemajuan Inovasi Di Asia

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Tan Sri Rafidah Aziz menggariskan tiga faktor yang memberi sumbangan besar terhadap peningkatan inovasi di Asia.

Bekas menteri perdagangan antarabangsa dan industri itu berkata faktor berkenaan ialah kestabilan politik, tadbir urus politik yang baik dan kedinamikan demografi.

"Dulu, Asia berada dalam keadaan dorman. Tapi, kini kebangkitan Asia didorong beberapa faktor, termasuk globalisasi ekonomi dan kewangan.

"Kini, wujud satu kesedaran di rantau Asia bahawa sekiranya anda bekerja secara kolektif, anda akan dapat memanfaatkan sepenuhnya dimensi ekonomi," kata Rafidah pada sidang pleno pertama Forum Kebangkitan Asia Dalam Dunia Inovasi KL 2013 (WIF-KL 2013) di sini Rabu.

Rafidah, yang juga pengurus AirAsia X adalah antara penceramah pada forum tiga hari itu, yang dihoskan **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti)**.

Rafidah berkata setiap negara Asia perlu memiliki kestabilan politik dan tadbir urus ekonomi yang baik sebagai kunci untuk terus menikmati pembangunan ekonomi lebih kukuh bagi memacunya ke hadapan.

Mengenai kedinamikan demografi pula, beliau berkata fokus patut diberi terhadap generasi muda kerana masa depan Asia akan bergantung pada kumpulan Gen Y ini.

"Keadaan lebih mudah sekarang kerana generasi ini amat cekap dalam bidang teknologi maklumat (IT).

"Bagaimanapun, kerajaan negara Asia perlu melengkapi diri mereka dengan peralatan seperti komputer untuk menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi menghasilkan ciptaan dan inovasi," katanya.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 12
TARIKH: 14 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)

KEGIATAN SELUDUP DIESEL

30 akaun RM17 juta dibeku

» Operasi OD1N ambil tindakan terhadap individu, syarikat

Oleh Zuliaty Zulkifli
bhnews@bh.com.my

■ Alor Setar

Buat pertama kalinya, 30 akaun bank milik individu dan syarikat membabitkan nilai simpanan RM17 juta dibekukan, selepas disyaki mempunyai kaitan dengan rangkaian sindiket diesel.

Ia susulan Operasi Diesel dan Petrol 1North (OD1N), Pasukan Petugas Khas Jabatan Peguam Negara sekitar Kedah, Perlis dan Pulau Pinang, sepanjang tempoh dua hari sejak kelmarin.

Turut dirampas pelbagai aset seperti pam minyak, tangki dan kenderaan yang nilainya dianggar RM1.5 juta, serta wang tunai berjumlah RM850,000 yang semuanya disyaki mempunyai kaitan dengan aktiviti penyelewengan diesel.

Ketua Pengarah, Bahagian Penguatkuasaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Kepenggunaan (KPDKKK), Mohd Roslan Ma-



Sebuah gudang di Jalan Alor Setar-Sungai Petani yang **dipercayai menjadi tempat penyimpanan minyak diesel dan petrol** diserbu dalam operasi OD1N, semalam.

[FOTO SHARUL HAFIZ ZAM/BH]

hayudin, berkata pasukan berkenaan menyerbu empat lokasi di Kedah selain masing-masing satu di Perlis dan Pulau Pinang, dua hari lalu.

Banyak kali tindakan

"Kita ingin bagi pengajaran kepada mereka (penyeludup) sebab sudah banyak kali kita ambil tindakan sebelum ini, tetapi mereka masih juga aktif seleweng diesel dan petrol subsidi.

"Mereka ini penyangak yang aktif seleweng diesel dan petrol, sebab itu kita ambil tindakan bekukan akaun bank milik mereka... apabila mereka

dah tak ada duit, baru mereka sedar dan tak boleh nak aktif (seleweng) lagi," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Difahamkan, OD1N itu pertama kali dilancar pasukan terbabit yang ditubuh pada Mac 2012 lalu dan ia tertumpu kepada aktiviti penyelewengan petrol dan diesel dengan lokasi sasaran di sekitar kawasan perindustrian dan semepaduan negara.

Antara agensi terbabit, KPDKKK, Bank Negara Malaysia, Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Cyber Security

Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Mohd Roslan berkata, sepanjang OD1N itu empat premis di Bukit Kayu Hitam dan Pengkalan Kundor diserbu, manakala dua lagi lokasi di Seberang Perai serta Padang Besar.

Katanya, aktiviti penyelewengan diesel dan petrol subsidi dikesan didalangi pihak terbabit secara bersindiket dan terancang dengan sasaran utama mengaut keuntungan yang nilainya dianggar mencapai jutaan ringgit.

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 6

TARIKH: 14 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)

Penyelewengan diesel, petrol bernilai RM1.5 juta dibongkar

ALOR SETAR 13 Nov. - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) berjaya membongkar kegiatan penyelewengan minyak diesel dan petrol yang dianggarkan mencecah RM1.5 juta dalam Operasi Diesel dan Petrol 1 North (ODIN) selama dua hari mulai semalam.

Dalam operasi yang dijalankan di Kedah, Perlis dan Pulau Pinang itu, wang tunai berjumlah RM850,000 turut dirampas manakala kira-kira 30 akaun kepunyaan sindiket berjumlah RM17 juta dibekukan.


Pengarah Pengurusan Kuastra KPDKKK, Mohd. Roslan Mahayudin berkata, sepanjang tempoh tersebut, sebanyak enam kes berjaya dibongkar iaitu empat di Kedah manakala masing-masing satu kes di Perlis dan Pulau Pinang.

"Di Kedah, operasi ini kita lakukan di Bukit Kayu Hitam dan Alor Setar manakala Perlis di Padang Besar manakala Pulau Pinang serbuan dilakukan di Seberang Perai.

"Operasi serentak bermula pukul 11 pagi itu di lokasi yang kebanyakannya adalah kawasan perindustrian dan berhampiran pintu sempadan," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau berkata, penyelewengan itu membabitkan kegiatan membeli diesel dari stesen minyak untuk dijual kepada pihak industri dan pihak tidak sepakat dengan harga industri yang lebih mahal.

Menurutnya, sebelum ini operasi membanteres kegiatan penyelewengan dilakukan pegawai setempat



PREMIS dan lori yang dipercaya terlibat dengan penyelewengan minyak diesel dan petrol berjaya dibongkar oleh KPDKKK di Alor Setar, Kedah, semalam.

namun kurang berkesan apabila sindiket itu masih aktif melakukannya.

"Operasi kali ini kita lakukan dengan petugas khas dan bukan sahaja menyita, malah kita turut merampas serta mengalihkan peralatan

yang digunakan seperti *pump dispenser* di premis tersebut.

"Kita juga merampas lori dan lori tangki yang digunakan untuk kegiatan tersebut bagi memastikan sindiket itu tidak lagi beroperasi selepas ini," katanya.

Mohd. Roslan berkata, operasi ODIN itu melibatkan kira-kira 100 pegawai dan kakitangan KPDKKK serta Pasukan Peguas Khas Jabatan Peguam Negara Malaysia terdiri daripada Bank Negara Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM),

Polis Diraja Malaysia (PDRM), Lemba baga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Cyber Security, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Menurutnya, langkah membekukan akaun itu diambil mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Cukai Pendapatan, Akta Kastam, Akta Perkhidmatan Perniagaan Wang 2011 dan Akta Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001.

Tambahnya, seorang wanita berumur lingkungan 40-an ditahan SPRM dalam operasi yang dijalankan di Seberang Perai, Pulau Pinang.

Selain itu, menurutnya, KPDKKK berjaya dikesan kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 iaitu melanggar syarat lesen, menyimpan diesel atau petrol diempat tidak dilesenkan dan menggunakan alat sukat yang tidak disahkan.

"Jika didapati bersalah di bawah akta ini, orang perseorangan boleh dikenakan denda RM100 juta atau tiga tahun penjara dan syarikat pula didenda RM250 juta manakala kesalahan di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972 pula boleh didenda RM2 juta," katanya.

Mohd. Roslan menambah, operasi itu akan terus dijalankan sehingga kegiatan penyelewengan minyak lumpuh.

Beliau berkata, orang ramai yang mempunyai maklumat atau aduan berhubung aktiviti itu boleh menghubungi talian 1-800-886-800.

Petrol, diesel RM1.5juta dirampas

ALOR SETAR — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Keppenggunaan (KPDNKK) berjaya membongkar aktiviti penyelewengan minyak diesel dan petrol yang dianggarkan mencecah RM1.5 juta dalam Operasi Diesel dan Petrol 1 North (ODIN).

Operasi selama dua hari bermula kelmarin itu melibatkan negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.

Dalam operasi tersebut, wang tunai RM850,000 turut dirampas dan 30 akaun kepunyaan sindiket berjumlah RM17 juta dibekukan. Ini kerana mereka disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Cukai Pendapatan, Akta Kastam, Akta Perkhidmatan Perniagaan Wang 2011 serta Akta Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembayaran Keganasan 2001.

Pengarah Penguatan Kuasa KPDKKK, Mohd. Roslan Mahayudin (**gambar kecil**) berkata, sebanyak enam kes berjaya dibongkar iaitu empat di Kedah dan masing-masing satu di Perlis dan Pulau Pinang.

"Di Kedah, operasi dilakukan di Bukit



Operasi dilakukan serentak di kawasan perindustrian dan berhampiran pintu sempadan

MOHD. ROSLAN MAHAYUDIN

Kayu Hitam dan Alor Setar manakala Perlis di Padang Besar dan Seberang Perai di Pulau Pinang.

"Operasi dilakukan serentak di kawasan perindustrian dan berhampiran pintu sempadan," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Mohd. Roslan berkata, tiada tangkapan dibuat namun seorang wanita berumur lingkungan 40-an ditahan SPRM di Seberang Perai.

Menurutnya, kesalahan dikesan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 iaitu melanggar syarat lesen, menyimpan diesel atau petrol di tempat tidak dilesenkan dan menggunakan alat sukat tidak disahkan.

Beliau menjelaskan, buat pertama kalinya operasi ini melibatkan KPDKKK bersama Pasukan Petugas Khas Jabatan Pe-

guam Negara yang menggabungkan pasukan Polis, Bank Negara, kastam, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Cyber Security.

Fuel smugglers' RM17m 'frozen'

ALOR STAR: The authorities have frozen 30 bank accounts with RM17 million in accumulated value belonging to companies and individuals in a crackdown on subsidised fuel smuggling networks in the northern states.

The move comes in the wake of a joint operation involving multiple agencies in six locations in Kedah, Penang and Perlis, which led to the seizure of subsidised diesel and petrol worth about RM1.5 million on Tuesday.

The authorities seized cash totalling RM850,000 during simultaneous raids in four premises in Kedah and one each in Padang Besar, Perlis and Seberang Perai, Penang, where they arrested a woman in her 40s.

The crackdown involved 100 police and officers from the Domestic Trade, Cooperatives and Consumer Affairs Ministry, Bank Negara, Customs Department, Malaysian Anti-Corruption Commission, Inland Revenue Board, Cyber Security and Malaysian Companies Commission (Putrajaya), and was coordinated by a special task force of the Attorney-General's Chambers.

Ministry enforcement division director-general, Mohd Roslan Mahayudin, said the op-

eration, codenamed "OD1N" (Operation Diesel and Petrol 1 North) was to prevent subsidised fuel smuggling activities.

Roslan said the ministry had raided all six locations previously but the syndicates, believed to be connected to one another, remained active for years.

"All the locations had been raided by the state enforcement teams before but the syndicates refused to give up their trade," he said at the state domestic trade office here yesterday. Present were his deputy, Datuk Iskandar Halim, and the ministry's state deputy enforcement director, Khalid Tik.

Roslan said the move to freeze the 30 accounts proved that the ministry was serious about clamping down on subsidised fuel smuggling activities.

"Previously, these syndicates went back to business not long after they were raided. That is why we froze their bank accounts: to stop their activities pending further investigation," he said.

He also warned fuel suppliers and petrol kiosk operators against selling their supply to syndicates.

Fuel profiteers crippled

RM17mil in 30 bank accounts frozen during synchronised raids

ALOR SETAR: A syndicate that profiteered from subsidised diesel and petrol in Penang, Kedah and Perlis has been crippled with the arrest of a man in Seberang Prai by the Malaysian Anti-Corruption Commission.

Some RM1.5mil worth of fuel were seized, and the Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism Ministry's enforcement officers and the Attorney-General Department's special task force officers also froze 30 bank accounts with RM17mil in deposits during the synchronised raids on six oil depots.

Also seized were RM850,000 in cash and equipment, including pumps and tanks, in the operation code-named 1North Diesel and

We will revoke their licences and the dealers of oil companies will have their dealership terminated.

— MOHD ROSLAN MAHYUDIN

Petrol Operation (OD1N).

Enforcement division director Mohd Roslan Mahyudin said the raids were carried out simultaneously on six venues — one each in

Penang and Perlis, and four in Kedah, at 11am on Tuesday.

"The six locations belonged to a syndicate which had been operating for several years. We acted on a public tip-off."

"The accounts that were frozen included company and individual accounts," he said.

Mohd Roslan said some of the places that were raided had misused their licences to sell subsidies fuel.

"We will revoke their licences and the dealers of oil companies will have their dealership terminated," he said.

The operation also involved agencies such as the Customs Department, police, Bank Negara Malaysia and CyberSecurity Malaysia.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BERITA IPT VARSITI): MUKA SURAT V7
TARIKH: 14 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)

Penyelidik muda UniMAP raih kejayaan



UniMAP bangga dengan pencapaian penyelidiknya dalam BioMalaysia 2013.

Johor Bahru: Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) membolot tiga pingat emas dalam Seminar Bio-Malaysia dan Bioekonomi Asia Pasifik (BioMalaysia) 2013.

Lebih membanggakan, produk Dr Rozyanty Rahman dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan universiti itu yang dinamakan 'Kenaf-Septank: As Green Hybrid Septic Tank and High Performance Composite' turut merangkul Anugerah Paling Inovatif.

Dua produk lain yang memperoleh pingat emas ialah 'GG-Powder' hasil penyelidikan Norina Hidayu Jamil dari Pusat Kecemerlangan Geopolimer dan Teknologi Hijau (CEGeoGTech) serta 'MUL-DEGRA' oleh Dr Sam Sung Ting dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses.

Dekan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi UniMAP, Prof Dr Syed Alwee Aljunid Syed Junid, berkata pada BioMalaysia 2013, UniMAP menumpukan produk dihasilkan oleh penyelidik muda.

"Kesemua 16 produk yang kita hantar untuk BioMalaysia kali ini yang mampu dikomersialkan.

Minda keusahawanan

"Ini selaras hasrat naib Canselor yang ingin memupuk minda keusahawanan dalam kalangan penyelidik dan pelajar UniMAP," katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

BioMalaysia 2013 yang berlangsung selama tiga hari, mendapat penyertaan lebih 300 produk dari 58 agensi, termasuk pihak industri serta institusi pengajian tinggi dari dalam dan luar negara.

Majlis perasmianya disempurnakan oleh Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Mengulas lanjut, Syed Alwee Aljunid berkata, UniMAP turut meraih empat pingat perak dan tujuh gangsa.

"Walaupun penyertaan produk yang dihantar kali ini kurang berbanding tahun lalu, kita masih mampu mengelakkan jumlah kutipan emas.

"Saya berharap pada masa akan datang, kita dapat meningkatkan jumlah kutipan pingat menerusi idea lebih segar daripada penyelidik muda.

"Kejayaan ini membolehkan UniMAP berada dalam kedudukan kedua keseluruhan, selain memenangi tempat ketiga bagi kategori gerai pameran terbaik," katanya.